

TPM serah sumbangan kepada mangsa banjir

BATU PAHAT 7 Nov. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menyampaikan wang ihsan pertama daripada Majlis Keselamatan Negara sebanyak RM194,500 kepada 92 ketua keluarga yang mewakili 389 mangsa banjir dari empat kampung di sini.

Setiap keluarga menerima RM500 dan bantuan wang ihsan tersebut diserahkan semasa melawat dua pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Comel dan Balai Raya Parit Yusof di Parit Sulong.

Muhyiddin kemudian meluangkan masa kira-kira setengah jam beramah mesra dan bertanya khabar 234 mangsa banjir melibatkan 58 keluarga dari Kampung Parit Abdul Rahman, Parit Kampung Hadi dan Parit Betong yang ditempatkan di sekolah tersebut.

Beliau turut meredah banjir di tiga buah rumah yang masih tenggelami air di Kampung Parit Yusof ke beberapa buah rumah paling teruk terjejas akibat banjir baru-baru ini sehingga air naik hampir

setengah meter.

Selepas itu, beliau turut melawat 155 mangsa banjir yang melibatkan 92 keluarga dari Kampung Parit Yusof di dewan tersebut sebelum minum petang bersama mereka.

Kegembiraan dan keceriaan jelas terpancar di wajah 389 mangsa banjir di kedua-dua pusat pemindahan tersebut yang berada di pusat pemindahan itu sejak 3 November lalu dengan lawatan mengejut daripada Muhyiddin.

Turut mengiringi Timbalan Perdana Menteri ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat negeri, Dr. Robia Kosai dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerja Raya dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Ahmad Zahri Jamil.

Sementara itu, jumlah mangsa banjir di SK Seri Comel kini berjumlah 247 orang iaitu dari Parit Abdul Rahman seramai 84, Kampung Parit Abdul Hadi (114) dan Parit Betong (29) manakala di balai itu kini menempatkan mangsa dari Parit Yusof (154).



MUHYIDDIN Yassin bertanya sesuatu kepada Nuratika Salim (kanan) ketika melawat pusat penempatan sementara mangsa banjir dan menyampaikan wang ehsan di SK Seri Comel, Parit Sulong, Batu Pahat, semalam.